

**FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR
SELATAN THAILAND MEMPELAJARI
BAHASA MELAYU**

ABDUNRAMAN TOHLONG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005

**FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR
SELATAN THAILAND MEMPELAJARI
BAHASA MELAYU**

ABDUNRAMAN TOHLONG

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku sesungguhnya disertasi ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

6.12. 2005

ABDUNRAMAN TOHLONG
200301378



DEDIKASI

Buat Ibunda dan Ayahanda yang dihormati

Oh' Mama yang sentiasa memberi pengorbanan,
memberi segala sesuatu demi kejayaanku,
sentiasa mengasuh dan mengajarkan erti kehidupan.
Oh' Baba yang menjadi contoh dan ikutan yang baik
Terutama dalam menuntut dan menyebarkan ilmu
Doa restu mu berdua sentiasa mengeringi kehidupan ku

Buat Isteri dan anak-anak

Istimewa Adinda Mah amat tercinta lagi Solihah
sentiasa bersabar dan pembakar semangat
Bersama anak-anak kesayangan
Tetah Ommal ommah, abang Amin,
Adik Mahmod dan yang paling manja
Adik Sarah yang belum mengenal
perjuangan dan pengorbanan yang sejati

Hati Abi sentiasa sadar, maka Abi ;

Mohon maaf, kerana kecuaiian Abi
Semasa kesibukan dan berjauhan
Demi tercapai azam dan cita-cita suci kita.
Suatu hari nanti anak akan mengerti
Makna perjuangan dan pengorbanan sejati.
Insya' Allah.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT, Solawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Seterusnya kepada para sahabat dan mujahidin memperjuangkan kebenaran hingga hari kiamat.

Dalam menjayakan kajian ilmiah ini, banyak pihak yang memberi sumbangan mental dan tunjuk ajar, bekerjasama yang baik dari berbagai pihak, pada kesempatan ini pengkaji ingin merakamkan penghargaan, antara mereka ialah:

Prof DR.Abdul Hamid Mahmood dan cik Idris Mohd. Radzi selaku penyelia projek ilmiah ini, Prof. DR. Abdullah Hassan selaku penasihat akademik, mereka tidak jemu-jemu selalu memberi bimbingan dan pertunjuk yang sangat berguna kepada pengkaji, sekalipun kesibukan melanda mereka setiap masa.

Penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada para pensyarah Fakulti bahasa yang telah mencurahkan ilmu selama kami bernaung di bawah tuduhan bayangan Ibu kandung, berpandukan cahaya suluh budiman, karyawan perpustakaan, makmal, pusat pasca siswazah dan seluruh keluarga UPSI

Penghormatan tidak terhingga ke ribaan yang dirindukan ibunda Hajah Wan Aminah HJ. Yusuf yang sentiasa mencurahkan kasih dan pembakar semangat menuju kejayaan dalam kehidupan penulis. Begitu juga kepada Abang Hasan dan Ahmad, adik Abdullah, Ibrahim, Musthafa, Fauziah dan Karimah yang memberi sokongan cita-cita suci ini.

Penghargaan yang istimewa penulis kalungkan kepada isteri tercinta yang sentiasa memberi sokongan motivasi, inspirasi, semangat dan material, serta tidak ketinggalan kepada anak tersayang Ommul Ommah, Amin, Mahmood dan Sarah yang selalu mendoakan kejayaan ayah mereka.

Kepada beberapa orang pansyarah jurusan Bahasa PSU Pattani yang telah memberi galakan dan kebenaran kepada pengkaji menjadikan pelajar sebagai sampel kajian, ucapan terima kasih daun keladi dan syabas adik sampel. Akhir kalam kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ilmiah ini, saya berdo'a kepada Allah semoga dinilai menjadi amal soleh kepada mereka dan saya ucapkan Jaza kumullah khaira. Wassalam.

Abdunraman Tohlong

Melayu Bangkok, Yala, Thailand. 6 Des 2005

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui faktor yang menjadi pendorong pelajar Selatan Thailand memilih Program Bahasa Melayu sebagai bidang pengajian mereka di universiti. Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik dan temu bual sebagai instrumen untuk memperloeh data. Sampel kajian ini terdiri daripada 99 orang pelajar Selatan Thailand yang sedang mengikuti pengajian dalam Program Bahasa Melayu di Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Prince of Songkhla, Selatan Thailand dan di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia. Pengkaji membuat empat hipotesis yang menjadi pendorong pelajar Selatan Thailand mempelajari Bahasa Melayu, iaitu faktor sosial, sikap, ekonomi dan politik. Kajian ini mendapati bahawa faktor sikap menjadi pendorong paling kuat mengapa pelajar memilih Program Bahasa Melayu, diikuti oleh faktor sosial dan faktor politik. Manakala, faktor ekonomi merupakan pendorong paling lemah. Antara item soal selidik yang mendapat peratusan paling tinggi ialah *Untuk Menjadikan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perhubungan Antara Negara di Asia Tenggara (93%)*, *Kebimbangan Kepupusan Bahasa Melayu (90.2%)*, *Ingin Mempertahankan Kedaulatan Bahasa Melayu (89.9%)*, dan *Minat Mempelajari Bahasa Melayu (89.5%)*. Responden tidak bersetuju bahawa pemilihan mereka mengikuti Program Bahasa Melayu kerana pengaruh daripada ajakan rakan dan kerana tidak ada pilihan lain.

ABSTRACT

This research intends to find out the factor that factor that cause student from Southern Thailand to choose the Malay Language Program as their study in the university. The researches uses in survey method and employs the survey and interview as instruments to obtain data. The research samples are 99 students from Southern Thailand who are taking the Malay Language Program at the Faculty of Language, prince of Songkhla University in Southern Thailand and at the faculty of Language University Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia. The researcher works on four hypotheses that cause students from Southern Thailand to learn the Malay Language: Social Factor, Attitude, Economy and Politic. The force that encourages them to choose Malay Language Program was due to factor that relates to Attitude beside that Social Factor and Politic. The Economic Factor seems to be the weakest cause. Among the questionnaire items that get the highest percentages are “ to ensure that the Malay Language becomes the lingua franca for countries in South East Asia (93%), Fear of the Malay Language to be diminished ” (90.2%), “ to uphold the dignity of the Malay Language ” (89.9%) and “ interest to learn the Malay Language ” (89.5%). Respondents do not agree that they choose the Malay Language Program because of being convinced by friends or because of no other choice.

KANDUNGAN

	Muka Surat
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACK	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang dan pernyataan masalah	7
1.3	Tujuan Kajian	9
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	10
1.5.1	Guru dan pentadbir sekolah atau universiti	10
1.5.2	Ibu bapa dan keluarga	10
1.5.3	Para pengkaji bahasa Melayu	11
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Definisi Istilah	12
1.7.1	Faktor	12
1.7.2	Mendorong	12
1.7.3	Pelajar	12
1.7.4	Selatan Thailand	12
1.7.5	Mempelajari	12
1.7.6	Bahasa Melayu	12

BAB 2 TINJAUAN LITRATUR

2.1	Penganalan	13
2.2	Konsep teori	14
2.2.1	Pengetian Bahasa	14
2.2.2	Manusia dan bahasa mengikut ahli tafsir	16
2.2.3	Teori belajar bahasa mengikut Stern	22
2.2.4	Teori pendekatan belajar Bahasa	26
2.2.5	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa	29
2.2.6	Teori dan Tujuan Bahasa Kedua	32
2.2.7	Sejarah belajar bahasa Melayu di Selatan Thai	36
2.2.8	Bahasa Melayu dan kedatangan Islam	38
2.2.9	Konsep Bahasa Melayu dan Kerajaan Pattani	42
2.2.10	Bahasa Melayu ke dunia percetakan	46
2.2.11	Bahasa Melayu dalam pendidikan di Pattani	47
2.2.12	Pembelajaran Bahasa Melayu di Selatan Thai	48
2.3	Kajian lampau yang berkaitan dengan pengaruh belajar Bahasa	
2.3.1.	Faktor sosial mempengaruhi responden	49
2.3.2.	Faktor sikap mempengaruhi responden	56

2.3.3. Faktor ekonomi mempengaruhi responden	59
2.3.4. Faktor politik mempengaruhi responden	60

BAB 3 METEDOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan	64
3.2. Reka bentuk kajian	65
3.3. Batasan dan Sampel kajian	65
3.4. Alat Kajian untuk mendapat data	68
3.4.1. Soal Selidik	68
3.4.2. Temu Bual	69
3.5. Prosedur pengumpulan data dan menganalisis	71
3.6. Model konseptual kajian	74
3.7. Kaedah mengalisis data	75
3.7.1. Analisis soal selidik	75
3.7.2. Analisis temu bual	75
3.8. Kesimpulan	75

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1. Pendahuluan	77
4.2. Pengaruh latar belakang	78
4.2.1. Pemboleh ubah jantina	78
4.2.2. Pemboleh ubah sosioekonomi.....	79
4.2.3. Pemboleh ubah latar belakang pendidikan	79
4.2.4. Pemboleh ubah lokasi kediaman	80
4.3. Pengaruh faktor sosial.....	82
4.3.1. Secara keseluruhan faktor sosial	82
4.3.2. Pemboleh ubah jantina	86
4.3.3. Pemboleh ubah sosioekonomi.....	87
4.3.4. Pemboleh ubah latar belakang pendidikan.....	88
4.3.5. Pemboleh ubah lokasi kediaman	90
4.4. Pengaruh faktor sikap	92
4.4.1. Secara keseluruhan latar belakang faktor sikap.....	97
4.4.2. Pemboleh ubah jantina	97
4.4.3. Pemboleh ubah sosioekonomi	98
4.4.4. Pemboleh ubah latar belakang pendidikan.....	100
4.4.5. Pemboleh ubah lokasi kediaman	101
4.5. Pengaruh faktor ekonomi	103
4.5.1. Secara keseluruhan faktor ekonomi	103
4.5.2. Pemboleh ubah jantina	105
4.5.3. Pemboleh ubah sosioekonomi	107
4.5.4. Pemboleh ubah latar belakang pendidikan	108
4.5.5. Pemboleh ubah lokasi kediaman	109
4.6. Pengaruh faktor politik	112
4.6.1. Secara keseluruhan faktor politik	112
4.6.2. Pemboleh ubah jantina	115
4.6.3. Pemboleh ubah sosioekonomi.....	116
4.6.4. Pemboleh ubah pendidikan	117
4.6.5. Pemboleh ubah lokasi kediaman	118

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	120
5.2	Kesimpulan	121
5.3	Perbincangan	124
5.4	Aplikasi Kajian	142
	5.4.1 Pusat perkembangan kurikulum (Thailand)	144
	5.4.2 Guru dan pentadbiran sekolah atau universiti	144
	5.4.3 Ibu bapa dan Keluarga	145
	5.4.4 Pelajar	145
5.5	Cadangan Kajian Selanjut	146
5.6	Akhir kalam	148

SENARAI RUJUKAN	149
-----------------------	-----


LAMPIRAN A Surat mohon menjalankan penyelidikan	154
LAMPIRAN B Soal selidik	155
LAMPIRAN C Soalan temu bual	158
LAMPIRAN D Surat kenyataan menjalankan penyelidikan	159

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.3.1. Taburan sampel mengikut jantina	67
3.3.2. Taburan sampel mengikut tempat belajar	67
3.3.3. Taburan sampel mengikut lokasi kediaman	67
3.3.4. Taburan sampel mengikut tahun pengambilan	68
3.3.5. Taburan sampel mengikut latar belakang pendidikan	68
4.2.1. Pengaruh jantina terhadap pemilihan program bahasa Melayu	78
4.2.2. Pengaruh tahap sosioekonomi terhadap pemilihan program bahasa Melayu	79
4.2.3. Pengaruh latar belakang pendidikan terhadap pemilihan program bahasa Melayu	80
4.2.4. Pengaruh lokasi kediaman terhadap pemilihan program bahasa Melayu	81
4.3.1. Peratusan faktor sosial bagi setiap item	83
4.3.2. Pengaruh jantina terhadap faktor sosial	86
4.3.3. Tahap sosioekonomi mempengaruhi faktor sosial	88
4.3.4. Pengaruh latar belakang pendidikan terhadap faktor sosial	89
4.3.5. Pengaruh lokasi kediaman terhadap faktor sosial	90
4.4.1. Peratusan faktor sikap bagi setiap item	93
4.4.2. Pengaruh jantina terhadap faktor sikap	97
4.4.3. Tahap sosioekonomi mempengaruhi faktor sikap	99
4.4.4. Pengaruh latar belakang pendidikan terhadap faktor sikap	100
4.4.5. Pengaruh lokasi kediaman terhadap faktor sikap	102
4.5.1. Peratusan faktor ekonomi bagi setiap item	105
4.5.2. Pengaruh jantina terhadap faktor ekonomi	106
4.5.3. Pengaruh sosioekonomi terhadap faktor ekonomi	107
4.5.4. Pengaruh latar belakang pendidikan terhadap faktor ekonomi	109
4.5.5. Pengaruh lokasi kediaman terhadap faktor ekonomi	110
4.6.1. Peratusan faktor politik bagi setiap item	112
4.6.2. Pengaruh jantina terhadap faktor politik	116
4.6.3. Tahap sosioekonomi mempengaruhi faktor politik	117
4.6.4. Pengaruh latar belakang pendidikan terhadap faktor politik	118
4.6.5. Pengaruh lokasi kediaman terhadap faktor politik	119
5.2.3. Pengaruh semua pemboleh ubah terhadap faktor yang dikaji	123


SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
3.6.1 Model konseptual kajian	74



SENARAI SINGKATAN

BM	=	Bahasa Melayu
KIY	=	Kolej Islam Yala
PSU	=	Prince of Songkla Universiti
UKM	=	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	=	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda bagi orang Melayu. Bangsa Melayu pula berasal daripada rumpun bangsa Austronesia yang mendiami Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu digunakan dengan meluas oleh masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam dan di Selatan Thailand. Oleh sebab telah mempunyai tatabahasa yang lengkap, bahasa tersebut menjadi *lingua franca* di alam Melayu. Malahan, kesinambungan perkembangannya hingga ke zaman moden ini, menyebabkan ia diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di beberapa buah negara, khususnya di Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa pentadbiran dan pendidikan, bahasa komunikasi dan bahasa keilmuan. Manakala daripada segi status, bahasa Melayu adalah bahasa yang kelima terpenting di dunia kerana mempunyai penutur seramai kira-kira 250 juta orang. (Shaharir Mohammad

Zain, 2002: 7 & Abd.Aziz Abd.Talib, 2000: iii)

Bahasa Melayu merupakan bahasa antarabangsa yang di tutur oleh ratusan juta orang penghuni seluruh pelosok Nusantara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan asas dan sumber kepada bahasa masyarakat Nusantara yang telah berjaya mencipta satu budaya dan tamadun ilmu di rantau ini. (Abdul Hamid Mahmood, 1991: 5).

Sebagai contohnya pada masa kemuncak kekuasaan kerajaan Pattani (Selatan Thailand sekarang) dalam abad ke-17, bahasa Melayu menjadi alat pengembangan ilmu pengetahuan Islam. Ini memungkinkan perhubungan yang semakin erat antara alam Melayu dengan negara Arab pada masa itu, Pattani merupakan pusat Islam di Asia Tenggara, yang juga sebagai pusat perdagangan (Surin Pitsuwan, 1989: 37-38). Walau bagaimanapun di Pattani bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan digunakan sejak abad ke-12 lagi (Abdul Latif Hamidong, 1989 & Mahayudin Hj.Yahaya, 2003: 338-339). Pada masa itu Thailand belum mempunyai abjad mereka sendiri, hinggalah terciptanya aksara Thai oleh Raja Ram Khamhaeng, ialah Raja Sukuothai yang ke-ii pada tahun 1283 M. (Sumalee Nimmanupap, 1994: 25) Selepas itu penggunaan bahasa Melayu khususnya pendidikan ditaja oleh kerajaan semakin berkurangan (Sutiphon Phompaicit, et.al.1998: 2). kecuali bidang pendidikan di pondok yang penggunaan bahasa Melayu huruf jawi masih digunakan di dalam dasar siamisasi di Selatan Thai sangat pesat berkembang pada masa pemerintahan Phibong Songkheram sebagai Perdana Menteri (1948-1957). (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 127). Sebelum pemerintahan beliau, masyarakat Melayu dikenali dengan nama 'orang Melayu beragama Islam'. Identiti ini jelas tercatat di dalam 'kebun dapur' (senarai ahli keluarga yang didaftarkan bagi setiap rumah). Pada masa beliau menjawat jawatan Perdana Menteri Thailand nama 'Melayu' dalam 'kebun dapur' dihilangkan lalu digantikan dengan nama "Thai Muslim". Maka istilah '*Thai Muslim*' dikekalkan oleh kerajaan Sarit mulai tahun 1958 untuk sebagai panggilan rasmi bagi orang Melayu yang beragama Islam (Worawit Baru, 1999: 185) Lanjutan daripada itu pemerintah memaksa

orang Melayu menggunakan gelaran diri mereka dengan panggilan Thai (Ratya Saleh, 2001: 63)

Rancangan siamisasi ini telah memberi kesan kepada perkembangan bahasa Melayu di sini. Pemerintah mengharamkan pengajian bahasa Melayu dan pengajian al-Quran yang menjadi amalan harian masyarakat Islam di Selatan Thai (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 92 & Ratya Saleh, 2001: 61). Bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah rendah kerajaan di bawah projek 'Pengajian Bahasa Melayu dan Agama Di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan' yang diasaskan oleh Che Abdullah Langputeh sebagai menteri pertama daripada kalangan Melayu Muslim Selatan Thai telah dimansuhkan (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 127). Phibong juga melarang keras pegawai kerajaan yang tahu berbahasa Melayu bercakap bahasa Melayu, orang Melayu yang berurusan di pejabat dipaksa menggunakan bahasa Thai (Ahmad Fathy, 2002: 133) Phibong berusaha lagi menyekat kemasukan buku bahasa Melayu ke dalam negara Thai. Mereka yang mempunyai kitab tulisan jawi mesti disembunyikan, selain daripada itu beliau juga mengugut guru-guru yang mengajarkan bahasa Melayu (Ratya Saleh, 2001: 61)

Kebanyakan orang Melayu Selatan Thai beranggapan bahawa pondok merupakan tempat paling baik untuk menimba ilmu (Sutiphon phompaicit, et al. 1998: 3). Mereka menganggap bahawa menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan bermakna mendedahkan mereka kepada agama Buddha dan cara hidup Buddha, kerana kebanyakan buku teks yang digunakan di sekolah di seluruh negara pada itu didasarkan kepada kepercayaan dan nilai Buddha yang ditulis dalam bahasa Thai Baku. Ibu bapa juga lebih suka menghantar anak-anak mereka ke pondok-pondok untuk mendapat latihan yang sesuai dengan cara hidup mereka. Bahasa pengantar di pondok-pondok ini bahasa Melayu yang menggunakan aksara Jawi (*grafem berdasarkan bahasa Arab*). (Pongsri Lekawatana dalam Abdullah Hassan, 1999: 347-348)

Selain daripada itu pondok juga menjadi lambang kebanggaan orang Melayu Muslim yang bercita-cita untuk mewujudkan pendidikan Islam. Para ulama yang memberi bimbingan dan pelajaran di pondok itu juga berfungsi sebagai model cara hidup Muslim bagi para senter dan orang Muslim di luar pondok. Bidang ilmu yang diajar di pondok adalah seperti al-Quran dan tafsirnya, hadis, tauhid, fikah, bahasa Arab, tasawuf, sejarah dan sebahagian ilmu pengantar (Mantiq, falak dan lain-lain.) yang penting untuk memahami ilmu agama. Tegasnya, ilmu yang diajarkan di pondok-pondok semata-mata untuk mendalami ilmu agama. Pelajaran akademik tidak diajar, pendidikan di sini tidak ada kurikulum yang khusus serta batas waktu bagi menentukan sama ada seorang murid itu telah menguasai mata pelajaran tertentu. Mereka yang dianggapkan boleh menguasai sesuatu mata pelajaran, Guru memberi giliran untuk mengajar kepada murid-murid baru atau membantu murid yang lemah. Kitab yang digunakan di sini sebahagian besarnya berbahasa Melayu dialek Pattani bertulisan Jawi. (Worawit Baru, 1999: 188 & Surin Pitsuwan, 1989: 143).

Oleh sebab di pondok-pondok ini bahasa pengantarnya bahasa Melayu bertulisan jawi maka telah menjadi tumpuan penuntut tempatan dan penuntut dari luar negara seperti Sri Langka, Burma, Kemboja, Vietnam dan Tanah Melayu. Sementara itu, ulama Pattani juga terkenal dan banyak menulis kitab agama dalam bahasa Melayu antaranya Syeikh Daud Abdullah al-Fatoni, Syeikh Ahmad Moh. Zain al-Fatoni, Syeikh Zainal Abidin al-Fatoni dan Muhammad Ismail al-Fatoni (Mahayudin Hj.Yahaya, 2003: 339). Kitab yang termasyhur ialah *Mutla'al Badrain* dan *Furu Al-masail* ditulis oleh Mohad Ismail Daud Pattani.(Mohd. Zamberi, 1994: 94 & Awang Sariyan, 2000: 2)

Daripada segi kedudukan geografi, Selatan Thailand bersempadan dengan dua negara. Di bahagian barat ia bersempadan dengan negara Myanmar (sebelum ini Burma) manakala di bahagian selatan pula bersempadan dengan negara Malaysia. Wilayah terdiri

daripada wilayah-wilayah Satun, Songkela, Yala, Patani dan Naratiwat (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 2).

Dalam konteks politik khususnya dalam hal kestabilan dan keamanan, masyarakat Melayu dilihat sebagai golongan terpenting yang telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan Thai. Ini terbukti daripada sikap kerajaan Thai setiap zaman, yang telah merancang dan melaksanakan dasar pendidikan dan dasar-dasar tertentu terhadap masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu sentiasa dilihat sebagai penduduk yang mempunyai kedudukan dan latar belakang, sejarah, bahasa, agama dan budaya yang tersendiri. Mereka berbeza daripada penduduk lain di dalam negara ini (Ahmad Omar Chapakia, 2003: 1).

Niels Mulder seorang Belanda yang membuat kajian tentang kehidupan masyarakat Melayu di Selatan Thailand, dalam bukunya 'Agama, Hidup Sehari-hari Jawa, Muangthai dan Filipina' mendapati masyarakat Melayu Selatan Thailand mempunyai hubungan yang sangat teguh semangat kemelayuan dan rapat pula hubungan mereka dengan masyarakat Melayu rantau lain di Asia (1999: xv).

Kebudayaan Melayu Pattani lebih unggul kemelayuannya yang tidak banyak diresapi digugat oleh budaya barat kerana Pattani satu-satunya wilayah Melayu yang tidak pernah dijajah. Hingga ke hari ini nilai kehidupan masyarakat peribumi Pattani tetap kukuh, utuh dan dominan berlandaskan unsur tamadun Islam. (Mohd. Zamberi, 1994: ix) Cara hidup dan status masyarakat Melayu Islam di sini jelas berbeza dengan cara hidup Buddha berkuasa di Thailand. Daripada segi agama, etnik, budaya dan sejarah, masyarakat Melayu di wilayah Selatan Thailand mempunyai lebih banyak persamaan dengan masyarakat Melayu di Malaysia (Winai Khrukwanfan, 1980: 248 & Ahmad Omar Chapakia, 2000: 22 & Surin Pitsuwan, 1989: 21). Masyarakat Melayu di Selatan Thailand

amat sedikit terpengaruh dengan budaya lain yang dibawa oleh para pendeta Buddha dari Sri Langka dan India, atau dari Cina. (Niel Mulder,1999: xv).

Demikianlah sejak dulu sampai sekarang, didapati masyarakat Melayu di Selatan Thailand terus berpegang kepada persaudaraan dalam Islam. Perhubungan saudara seagama mengatasi hubungan bangsa. Mereka tetap merasai hubungan persaudaraan Islam dengan masyarakat Islam lain di Nusantara yang juga satu bahasa dengan mereka melebihi hubungan mereka dengan bangsa Thai (Winai Khrukwanfan,1980: 247, Surin Pitsuwan,1989: 6-7 & Ahmad Omar Chapakia, 2000: 22). Amalan ini bertepatan dengan nilai Islam yang mengajar umatnya supaya berkasih sayang antara sama-sama Islam (Mustafa Muhyuddin, 1995: 429).

Daripada segi lokasi, masyarakat Melayu Selatan Thailand pada umumnya mendiami kawasan pantai, pulau-pulau, kawasan pedalaman atau di luar bandar juga di kawasan-kawasan bukit. Masyarakat desa sinonim sebagai masyarakat Melayu (Surin Pitsuwan,1989: 17) Daripada segi ekonomi umumnya orang Melayu memiliki ladang sendiri yang secukup hidup (Ahmad Omar Chapakia, 2000:22 & Wan Muhammad Nor Matta,1980: 4). Segelintir masyarakat Melayu pula tinggal di pusat bandar, kebanyakannya mereka yang berketurunan Arab, India dan Pakistan. Mereka ini terdiri daripada golongan peniaga (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 22 & Surin Pitsuwan, 1989: 15).

Kawasan Selatan Thailand merupakan bumi yang subur dan kaya dengan bahan-bahan mentah. Ia menjadi penyumbang utama hasil negara Thailand. Selatan Thai juga mempunyai hutan yang sangat kaya dengan kayu balak dan kawasan perlombongan yang luas. Oleh sebab bumi di Selatan Thailand juga sangat subur, Pelbagai kegiatan pertanian seperti penanaman padi dan getah diusahakan dengan meluas. Manakala, kawasan perairan

di Laut Cina Selatan dan Laut Andaman menjadi sumber perikanan terpenting (Ahmad Omar Chapakia, 2000: 30). Pattani juga pernah terkenal sebagai pelabuhan utama yang menguasai perairan Asia Tenggara, ini kerana kedudukan yang strategik menjadi laluan dorongan penting antara Timur dan Barat (Mohd. Zamberi A.Malek, 1994: 19).

1.2 Latar belakang dan Penyataan Masalah

Pesantren atau pondok merupakan institusi pendidikan Islam tradisional yang terdapat hari ini berasal dari Pattani, Ulama Pattani telah melaksanakan sistem pendidikan ini sejak abad ke-12 Masihi lagi, ia adalah merupakan institusi pendidikan tertua di Asia Tenggara (Mahayudin Hj.Yahaya, 2003: 338-339, Abdullah Ishak,1990: 146 & Mohd. Zamberi AbdulMalek, 1994: 94). Pattani merupakan negeri pertama di Nusantara yang berjaya memberi nafas baru kepada perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam di tanah Melayu berbentuk pondok (Abdullah Ishak,1995: 191). Semua pondok yang terdapat di Selatan Thailand menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan tulisan jawi digunakan secara meluas. Bahasa Melayu tulisan jawi telah berkembang bersama-sama dengan kemajuan pendidikan pondok di Pattani dan wilayah lain di Selatan Thailand.

Di Thailand kerajaan tidak mewajibkan pelajarnya mempelajari bahasa Melayu dan tidak pula semua sekolah menawarkan mata pelajaran Bahasa Melayu walaupun ramai pelajar Thai, khususnya Melayu yang ingin mempelajari bahasa ini. Dasar negara Thailand tidak menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa Melayu bukan menjadi asas bagi mendapat pekerjaan (Hasnah Nataning, 2004: 49).

Sejak akhir-akhir ini terdapat perubahan yang menyifatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang sangat penting, hingga terdapat beberapa universiti seperti Universiti Taksin di wilayah Songkla dan Universiti Prince of Songkla cawangan Pattani sudah menawarkan mata pelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar Thailand di peringkat sarjana muda. Oleh hal yang demikian, kini sudah terdapat ramai pelajar yang mempelajari bahasa ini di universiti-universiti. Ada sebahagian daripada mereka telah lulus peringkat sarjana muda dan meneruskan pengajian mereka peringkat sarjana bahasa Melayu di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak, Malaysia.

Pengkaji mendapati minat pelajar Selatan Thailand untuk mempelajari bahasa Melayu sejak akhir-akhir ini meningkat dengan mendadak. Mengikut laporan Dr. Ruslan Uthai, Ketua progeram Bahasa Melayu, Fakulti Sains dan Kemanusiaan & Sains dan Kemasyarakatan, Universiti Prince of Songkla cawangan Pattani, mahasiswa dan mahasiswi yang memilih Bahasa Melayu sebagai pilihan pertama semasa pengambilan pelajar tahun 2003 terdapat seramai 29 orang. Manakala, semasa pengambilan tahun 2004 jumlah yang memilih Bahasa Melayu sebagai pilihan pertama meningkat menjadi 49 orang. Ini termasuk 6 orang pelajar bukan daripada keturunan Melayu.

Minat pelajar Selatan Thailand terhadap pengajian Bahasa Melayu semakin terserlah setelah kerjasama pendidikan antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan Kolej Islam Yala (KIY) termeterai. Hasil kerjasama tersebut UPSI telah menerima masuk dua kumpulan pelajar Selatan Thailand. Ambilan 2002 seramai 15 pelajar dan ambilan 2003 seramai 25 pelajar, ialah pelajar peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. (Muhammad Salaebing, 2004: 1) Jumlah mereka ialah seramai 40 orang yang menuntut di empat fakulti, iaitu Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia seramai 5 orang, Fakulti Sains & Teknologi seramai 4 orang, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi

seorang, dan bakinya seramai 30 orang pelajar memilih Fakulti Bahasa sebagai tempat pengajian mereka.

Bertitik-tolak daripada bilangan pelajar Selatan Thailand yang mempelajari bahasa Melayu sejak akhir-akhir ini, pengkaji ingin mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan mereka berminat dan cenderung mempelajari bahasa Melayu.

1.3 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui secara umum, faktor-faktor yang mendorong pelajar Selatan Thai mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini pengkaji membahagikan faktor-faktor pendorong kepada 4 kategori, iaitu kategori sosial, kategori sikap, kategori ekonomi dan kategori politik. Manakala, pemboleh ubah demografi responden akan digunakan untuk melihat kesan atau pengaruhnya terhadap faktor pendorong tadi.

1.4 Soalan kajian

Bagi mendapatkan data, pengkaji menggunakan soalan seperti yang berikut:

1.4.1 Sejauh manakah faktor latar belakang mendorong pelajar Selatan Thailand mempelajari bahasa Melayu?

1.4.2 Sejauh manakah faktor sosial mendorong pelajar Selatan Thailand mempelajari bahasa Melayu?

1.4.3 Sejauh manakah faktor sikap pelajar mendorong pelajar Selatan

Thailand mempelajari bahasa Melayu?

1.4.4 Sejauh manakah faktor ekonomi mendorong pelajar Selatan Thailand

mempelajari bahasa Melayu?

1.4.5 Sejauh manakah faktor politik mendorong pelajar Selatan Thailand

mempelajari bahasa Melayu?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ilmiah ini diharapkan dapat memberi panduan dan bimbingan kepada pihak yang berkenaan. Antaranya:

1.5.1 Guru dan pentadbir sekolah atau universiti

Guru, pentadbir sekolah dan universiti akan dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar Selatan Thailand mempelajari bahasa Melayu. Dengan itu, mereka akan cuba mencari jalan ke arah meningkatkan lagi kesedaran dan minat pelajar Selatan Tahi untuk mempelajari bahasa Melayu.

1.5.2 Ibu bapa dan keluarga

Kajian ini dapat memberi maklumat yang jelas tentang faktor yang mempengaruhi minat pelajar tersebut. Berdasarkan maklumat tersebut ibu bapa akan lebih mudah memberi motivasi dan dorongan kepada anak-anak mereka. Peranan serta

penglibatan ibu bapa dan keluarga penting dalam memberi kesedaran, motivasi, bagi menambah minat dalam mempelajari bahasa Melayu.

1.5.3 Para pengkaji bahasa Melayu

Kajian ini boleh memberi maklumat sosiobudaya dan sosiopolitik masyarakat Melayu yang hidup terpisah daripada rumpun Melayu arus perdana, dalam kesedaran budaya asal usul identiti. Bagi pengkaji maklumat ini merupakan tambahan kepada khazanah maklumat yang sedia ada malahan kajian juga boleh dijadikan pen cetus kepada kajian yang lebih besar dan menyeluruh.

1.6 Batasan kajian

Dalam kajian ini pengkaji membatasi tinjauan ke atas pelajar yang sedang belajar dalam jurusan Bahasa Melayu seramai 99 orang. Mereka terdiri daripada 20 mahasiswa dan 79 mahasiswi program Bahasa Melayu di Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Prince of Songkla Cawangan Pattani, di Wilayah Rusembilan, Pattani, Selatan Thailand ambilan tahun 2003 serta 2004. Pelajar-pelajar Fakulti Bahasa, jurusan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak Darul Ridzuan, Malaysia ambilan tahun 2002 dan 2003. seramai 20 orang turut dijadikan sampel.